

Pengajian Belia: Satu Analisis Program Pendidikan Belia

Khairuddin Idris

Azimi Hamzah

Pengenalan

Pelbagai organisasi melaksanakan program bagi tujuan untuk membangunkan supaya mereka dapat memanfaatkan diri mereka, masyarakat, bangsa . Di Malaysia, dewasa ini pembangunan manusia diberi penekanan sebagai satu unsur yang penting dalam mencapai taraf negara maju. Program direncanakan untuk pelbagai lapisan masyarakat dalam segenap aspek membolehkan mereka menangani kehidupan dan kerjaya mereka. Pada :993 Bahagian Belia, Kementerian Belia dan Sukan telah mengendalikan peringkat nasional, negeri dan daerah. Pada tahun 1994 sebanyak telah dirancang (Bahagian Belia, 1994). Program tersebut dapat membawa perubahan kepada kumpulan sasaran yang terdiri generasi muda. Kertas kerja ini akan meninjau program-program daripada segi perencanaannya serta memberi beberapa pendapat untuk dipertimbangkan bagi meningkatkan pencapaian program tersebut.

Konsep Program

Program pada asasnya merupakan satu siri aktiviti yang disusun bagi mencapai tujuan. Boone (1985) menganggap program sebagai satu proses yang komprehensif, sistematik dan proaktif yang melibatkan perancangan yang buruh serta mendapat kerjasama dari organisasi, agen perubahan dan agen sasaran.

Program direkabentuk dengan tujuan tertentu iaitu untuk membawa perubahan perlakuan yang diinginkan terhadap golongan sasaran. Dengan ini boleh dikatakan bahawa program merupakan susunan aktiviti sengaja dirancang dan dilaksana bagi membawa perubahan kepada manusia melalui pendidikan. Program juga adaIah satu usahasama di antara semua pihak yang terbabit dengan mengambil kira segala aspek kehidupan dalam konteks lingkungan manusia . Proses perancangan program adalah satu usaha yang teratur dan berpandangan jauh. Pada umumnya program direncanakan dengan tatacara dan prosedur yang mengambil kira kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku, baik dari segi pelaksanaan mahupun kesan. Program juga mempunyai arah yang tertentu. Ia dikatakan proaktif apabila program yang direncanakan menyediakan penerima untuk menghadapi masa hadapan. Ini dapat

dilakukan dengan menjangkakan perkembangan semasa tren dan keperluan.

Program yang sistematik dan proaktif berasaskan maklumat yang cukup dan terkini. Disamping maklumat perkembangan dan keperluan semasa maklumat latar belakang, dan kehidupan semasa maklumat latar belakang, dan kehidupan penerima juga penting. Dengan adanya, maklumat yang lengkap dan sah pertimbangan yang wajar dapat dilakukan dan program yang memenuhi keperluan penerima dapat disediakan.

Perencanaan Program

Merencana program perubahan ialah satu usahamerancang, melaksana serta menilai program. Pada umumnya program perubahan terancang berasaskan pendidikan dan dengan itu perencanaan program dipengaruhi oleh unsur-unsur pembentukan kurikulum yang berasaskan pada penulisan seperti Tyler (1949) dan Houle (1976). Terdapat pelbagai model program perubahan berencana yang diutarakan oleh penulis-penulis seperti Lippitt (1958), Boone (1971) dan Boyle (1981). Beberapa perkara perlu diambil kira dalam merencanakan program. Berikut ialah aktiviti perencanaan yang perlu dipertimbangkan.

- Mewujudkan perhubungan dengan penerima;
- Mengumpul maklumat;
- Mengenal pasti masalah dan keperluan
- Menetapkan matlamat dan objektif;
- Menentukan dan menyusun pengalaman pembelajaran;
- Melaksanakan program; dan
- Menilai program;

Kesemua aktiviti tersebut perlu dilakukan bagi menentukan program yang mantap. Sungguhpun demikian susunan aktiviti tersebut tidak semestinya berlaku mengikut tertib di atas. Adakalanya sesuatu aktiviti akan diulang ataupun didahulukan.

Satu perkara lagi yang perlu dipertimbangkan ialah penglibatan penerima belia dalam setiap peringkat pelaksanaan program. Penglibatan haruslah awal dan penerima diberi peluang untuk memberi sumbangan buah fikiran sumbangan dan tenaga serta membuat keputusan setiap aspek perencanaan program. Menurut Mead (1955), semua perubahan sepatutnya diterima dengan rela oleh kumpulan sasaran kerana ia akan memberi kesan terhadap 'an mereka. Oleh

itu memang wajar penerima program dilibatkan bersama dalam segenap aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian program. Tambahan pula, penerima dianggap lebih mengetahui tentang keperluan dapat meningkatkan sambutan dan sokongan terhadap program disamping dapat belajar dan menja di lebih arif dalam proses perencanaan program.

Program Latihan dan Bimbingan Belia

Program latihan dan bimbingan merupakan program pembelajaran yang bertujuan untuk membawa perubahan positif daripada segi pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi kepada penerima. Maklumat yang kemudiannya diproses untuk memberi makna kepada penerima merupakan pengalaman pembelajaran yang dijangka dapat digunakan dan diamalkan.

Hampir keseluruhan program Bahagian Belia, Kementerian Belia dan Sukan tepada belia. Sejumlah 80 015 orang belia (Jadual 1) telah menyertai program yang dianjurkan oleh Bahagian ini. Ia termasuklah program latihan dan kursus, seminar, lawatan sambil belajar, program belia, dialog, mesyuarat, perhimpunan dan pertandingan. Penyertaan belia dalam 75 program dan 533 projek/aktiviti melibatkan kos sebanyak lebih kurang RM5.29 juta (Jadual 1). Program-program tersebut oleh Cawangan Latihan dan Bimbingan Belia. Cawangan pembangunan Ekonomi Belia, Cawangan Pergerakan dan Cawangan perpaduan. Di samping itu, Unit Hal Ehwal Agama juga menganjurkan program kefahaman Islam, kepimpinan, muzakarah dakwah dan lawatan sambil belajar. Dibawah Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi belia (TKWAPPEB), tiga program utama yang melibatkan 213 projek telah dikendalikan pada tahun 1993.

Jadual 1: Program belia yang dilaksanakan pada 1993

Cawangan/Unit	Bilangan Program	Bilangan projek/Aktiviti	Bilangan peserta	Kos
Unit Hal Ehwal Agama	4	20	1 894	231 444
Unit penyelidikan dan Hal Ehwal antarabangsa	8	8	215	159 480
Cawangan latihan dan Bimbingan	11	16	647	932 572
Peringkat Negeri	5	224	18 130	678 200
Unit Pembangunan Usahawan	9	174	4 990	724 840
Cawangan pergerakan belia	27	75	50 234	2 272 250
Cawangan perpaduan	10	16	3 995	291 268
Jumlah	75	533	80 105	5 290 054
TKWAPB	3	213	± 700	± 3 000 000

Tidak semua program yang tersebut di atas merupakan program pendidikan. Di antaranya terdapat program berbentuk pertandingan dan mesyuarat jawatankuasa. Program berunsur pendidikan berjumlah 52 program atau 69.3 peratus daripada semua program yang dilaksanakan. Daripada ini, 270 projek/ aktiviti (50.7%) tertakluk di bawah program-program tersebut.

Jadual 2: Program latihan dan bimbingan belia yang dilaksanakan pada 1993

Cawangan/Unit	Bilangan Program	Bilangan projek/Aktiviti	Bilangan peserta	Kos
Unit Hal Ehwal Agama	4	20	1 894	231 444
Unit penyelidikan dan Hal Ehwal antarabangsa	6	7	209	157 480
Cawangan latihan dan Bimbingan	9	14	447	926 860
Peringkat Negeri	5	224	18 130	926 860
Unit Pembangunan Usahawan	9	174	4 990	678 200
Cawangan pergerakan belia	27	75	2 409	702 140
Cawangan perpaduan	8	16	2 615	194 018
Jumlah	52	270	30 594	3 372 902

Perbelanjaan berjumlah RM 3.37 juta merupakan 63.8 peratus daripada perbelanjaan bagi melaksanakan semua program (Jadual 2). Secara purata Bahagian Belia membelanjakan lebih kurang RM 110.25 seorang untuk aktiviti latihan dan bimbingan (tidak termasuk kos overhead). Walaupun kos maksimum untuk melatih seorang belia mungkin mencecah RM 8000,perbelanjaan ini dianggap minimum dibandingkan dengan pulangan yang akan diperoleh.Pada asasnya Bahagian Belia perlulah sanggup melabur bagi mendapatkan pulangan yang dapat dimanfaatkan oleh negara.

Penelitian Perencanaan Program Latihan

Secara keseluruhannya program latihan belia penting untuk mewujudkan belia yang berketerampilan.Melalui program seperti ini belia yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi dapat dilatih dan dididik bagi tujuan pembangunan negara.Bahagian Belia,Kementerian Belia dan sukan wajar diberi pengiktirafan kerana mampu menegendalikan program –program yang bermanfaat untuk golongan pelapis ini. Usaha -usaha sebegini harus dikekalkan di samping memanfaatkannya mengikut masa dan keperluan.Berikut beberapa penelitian program latihan dan bimbingan belia Bahagian Belia,Kementerian Belia dan sukan.

Maklumat dan Keperluan

Buat masa ini kekurangan maklumat yang len. merupakan cabaran bagi merencanakan program merupakan cabaran bagi merencanakan program yang mampan.Dengan perancang program terpaksa membuat andaian satu daripada andaian tentang beberapa perkara.Salah satu daripada andaian tersebut ialah keseragaman penerima .Secara realitinya kaum belia mempunyai pelbagai tahap pengetahuan,sikap,kemahiran dan aspirasi. Perbezaan ini memerlukan latihan yang berbeza dan tahap penerimaan latihan yang berbeza. Keberkesanan latihan dapat dipertingkatkan dengan menyesuaikan latihan kepada individu yang terlibat.

Perhubungan Erat

Di samping mengadakan latihan yang sesuai penerima perlu dilibatkan dalam proses perencanaan program. Sebagai contoh salah satu tumpuan program TKWAPEB ialah berkaitan dengan pembayaran balik.Ini kerana ada masalah tentang andaian peminjam terhadap sifat peminjam tersebut.Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Nasir Haji Ismail (1994) mengenai TKWAPEB di jajahan Bachok menunjukkan kaedah penyampaian maklumat yang utama digunakan oleh

Pegawai Belia ialah ceramah (51.7%) dan diikuti oleh dialog (30.2%). Sungguhpun demikian para belia lebih mengharapkan nasihat perseorangan (50.0%) dan diikuti oleh dialog (27.3%) Berdasarkan kepada maklumat: penyebaran maklumat TKWAPB secara ceramah tidak cukup untuk menjalink hubungan yang akrab di antara pegawai dan peminjam.TKWAPB mungkin digunakan sebagai umpan scbagai wahana pembangunan belia. Penjelasan peranan pemberi pinjaman dan peminjam dapat dibereskan dengan perhubungan yang lebih erat.

Dengan peralatan elektronik seperti komputer dan alat komunikasi pencarian maklumat dapat dilakukan. Oleh itu latihan harus mengambil kira cara pengurusan maklumat secara elektronik.Belia mesti mendapat latihan dalam penggunaan komputer di samping meningkatkan keupayaan berfikir dengan rasional dan cepat serta bersedia untuk bertindak segera.Mereka juga harus mempunyai keyakinan diri dan bersedia untuk mengambil risiko.

Dengan perkembangan teknologi yang semakin canggih maklumat lebih mudah diperoleh.Dengan itu rahsia semakin susah untuk disimpan.Oleh itu sifat amanah harus diberi penekanan yang wajar dalam latihan yang diadakan.Maklumat-maklumat perbuatan sumbang mudah diedarkan.Tiada siapa yang dapat berselindung sekiranya ia memang telah melakukan perbuatan curang.Latihan dalam nilai-nilai murbi perlu diteruskan.

Hasrat Malaysia untuk mencapai taraf negara maju menjelang 2020 menekankan keperluan kepakaran dan tenaga mahir dalam pelbagai bidang.Bagi merealisasikan hasrat ini,Malaysia mesti mempunyai pertumbuhan disegi ekonomi yang berganda cepat daripada negara-negara maju.Kita perlukan generasi muda yang inovatif yang dapat mencipta pelbagai peralatan berteknologi tinggi.Bidang elektronik masih mempunyai potensi yang luas.Galakan dan sokongan latihan perlu menjurus kearah bidang ini.Tidak semua orang yang berpotensi dapat melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi.Latihan dan bimbingan di luar system formal perlu memainkan peranan dalam mewujudkan rakyat yang kreatif terutamanya dikalangan belia.Tenaga dan kepakaran belia inilah yang akan menentukan sama ada Malaysia dapat mewujudkan teknologi sendiri.

Kesimpulan

Program latihan dan bimbingan belia adalah satu komponen yang penting dalam menyediakan generasi belia yang unggul. Program tersebut hendaklah dapat membawa perubahan yang terancang dan diinginkan. Program ini ialah belia yang berdaya maju dan dapat membantu diri sendiri. Program harus direncanakan berdasarkan maklumat sah yang lengkap. Walau bagaimanapun tidak dinafikan yang kadangkala program tidak terlaksana seperti yang dirancang kerana faktor-faktor yang diluar kawalan kita. Semua pihak yang terlibat dalam merancang, melaksana dan menilai program haruslah faham dan tahu arah sebenar yang hendak dituju. Pihak tersebut juga perlu mempunyai rasional yang kuat daripada segi kewujudan program bagi memastikan kesan sebenar yang dikehendaki. Sememangnya usaha ini memerlukan pelaburan masa, tenaga dan wang yang bukan sedikit tetapi perlu dilaksanakan bagi kemajuan negara dimasa hadapan.

Rujukan

Ahmad Nasir Haji Ismail Proses pengaliran maklumat tabung kumpulan Amanah Pembangunan Ekonomi Belia (TKWAPPEB) di kalangan Ahli Belia di Jajahan Bachok,Kelantan.Kertas projek tidak diterbitkan,UPM Serdang 1994

Azizan Abdullah.Faktor-faktor peningkatan kearah lebih berdikari dikalangan pemimpin persatuan belia di Daerah Besut, Terengganu:Satu kajian kes.Kertas projek tidak diterbitkan UPM 1992.

Boone E.J,Dolan R.J dan Shearon R.w. Programming the cooperative extension service :A conceptual scheme.North Carolina State University,Raleigh 1971.

Boyle,P.G.1981.Planning better programs.New York:McgrawHill

Houle C.O. 1986.The design of education.San Francisco:Jossey-Bass Publisher

Lippitt,R.,Watson J.Westley,B. 1958.Planned Change.New York: Harcourt Brace and World Inc.

Mead,M (ed) 1955.Cultural patterns and technical change. New York :The new American Library Inc.

Tyler R.W. 1949. Basic principles of curriculum and instruction.Chicago :The University Of Chicago Press.

_____ *Laporan Prestasi Pelaksanaan Program 1993 Perencanaan Program 1994.Bahagian Belia,Kementerian Belia Dan Sukan 1994.*

Diterima pada 14 September 1994